

Malaysia cabar AS berdebat

BH 27 FEB 2000

KUALA LUMPUR: Malaysia mencabar Amerika Syarikat mengadakan debat terbuka berhubung isu pencabulan hak asasi manusia bagi memastikan negara itu benar-benar faham isu berkenaan sebelum bertindak membuat sebarang kenyataan mengenainya.

Langkah itu juga bertujuan mengelak Amerika daripada terus melemparkan pelbagai tuduhan dan kritikan terhadap negara kecil seperti Malaysia termasuk melanggar hak asasi manusia walaupun hakikatnya mengamalkan sistem kehakiman yang adil dan saksama selama ini.

Ketika membuat kenyataan itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, berkata, ini penting kerana Amerika sering menuduh Malaysia melakukan pencabulan hak asasi sedangkan tuduhan itu sendiri bukti pencabulan terhadap Malaysia.

“Ingin saya tegaskan, perbuatan mereka melemparkan tuduhan itu sendiri adalah satu bukti pencabulan hak asasi manusia kerana kita tidak pernah diberi pe-

luang menjelaskan apa yang berlaku, termasuk di persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

“Malah, jika dilihat, Amerika sendiri negara pencabul hak asasi, buktinya menerusi kes penindasan terhadap golongan minoriti termasuk penduduk berkulit hitam di Bronx.

“Saya mencabar mereka mengadakan debat terbuka supaya mereka faham maksud pencabulan hak asasi. Kita ingin menyampaikan mesej bahawa kita juga tahu akan penindasan yang mereka lakukan terhadap rakyat mereka yang Malaysia sendiri tidak pernah mempersoalkannya,” katanya ketika dihubungi *Berita Minggu*, semalam.

Dr Rais diminta mengulas laporan agensi berita AFP kelmarin, yang menyebut Amerika menuduh Malaysia mencabuli hak asasi manusia berdasarkan kes terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kejadian wartawan Kanada, Murray Heibert yang dipenjarakan, tahun lalu.